



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 08 / 2022

PEMAKLUMAN TERKINI

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

PENCEGAHAN COVID-19 BAGI PELAKSANAAN

PRU DEWAN NEGERI JOHOR KE-15

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pencegahan COVID-19 terkini bagi pelaksanaan PRU Dewan Negeri Johor Ke-15 berdasarkan cadangan pindaan dan pandangan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta Majlis Keselamatan Negara (MKN).

2. Pindaan dan tambahan kepada SOP tersebut adalah seperti berikut:
 - a. Ceramah/syarahan/kempen dibenarkan diadakan **di dalam dan di perkarangan** pejabat parti dan bilik gerakan parti yang rasmi;
 - b. Jumlah kehadiran ceramah/syarahan/kempen **tidak melebihi 100 orang atau 50% kapasiti ruang mengikut mana yang terendah**, bagi memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter di antara satu sama lain dan memakai pelitup muka. **Jumlah tersebut termasuk penganjur, urusetia, penceramah dan peserta;**
 - c. Ceramah/syarahan yang diadakan **TIDAK BOLEH** melebihi **jam 12 tengah malam**; dan

- d. Ceramah/syarahan di premis yang terbuka atau tempat umum adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
3. Pindaan dan tambahan pada SOP Pencegahan COVID-19 bagi pelaksanaan PRU Dewan Negeri Johor Ke-15 berkuatkuasa serta merta.
 4. SPR berharap semua pihak mematuhi undang-undang, peraturan dan etika kempen pilihan raya serta garis panduan pencegahan Covid-19 tersebut bagi memastikan kelancaran proses pilihan raya dan tidak menggugat ketenteraman dan keselamatan awam. Makluman berkenaan pindaan dan tambahan SOP Pencegahan COVID-19 boleh dirujuk portal spr.gov.my.

Sekian, harap maklum.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
2 Mac 2022 / 28 Rejab 1443H